



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000  
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207  
Laman Web:  
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj.Kami : ANM (T)MEL/03/68 Jld.3(4)  
Tarikh : 21 Mei 2019  
Bersamaan : 16 Ramadhan 1440H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Ketua Pusat Pembayar

Tuan,

**BAYARAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2019 akan dibayar pada 24 Mei 2019 tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2019 bertarikh 17 Mei 2019 serta Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 2 Tahun 2019.

3. Sehubungan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pembayar Gaji hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) Memuatturun **Laporan Pemberian Khas** dari komputer yang disediakan di kiosk Jabatan ini mulai **22 Mei 2019 (Rabu)**. ***PTJ/Pusat Pembayar Gaji perlu membawa pen drive sendiri bagi tujuan ini;***
- b) Mencetak A4 **Laporan Pemberian Khas** yang dimuatturun;
- c) Menyemak dan mengesahkan kelayakan setiap kakitangan yang tersenarai di dalam **Laporan Pemberian Khas;**
- d) **Menyerahkan Laporan Pemberian Khas yang telah disahkan selewat-lewatnya pada 23 Mei 2019 (Khamis) sebelum jam 4.00 petang;**
- e) Mendapatkan semula jumlah bayaran yang tidak layak diterima oleh kakitangan dengan kaedah berikut:
  - Bagi pegawai yang masih berkhidmat, tindakan pemotongan gaji sekaligus bagi bayaran gaji bulan berikutnya; atau
  - Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib, ditamatkan perkhidmatan dan meletakkan jawatan, kutipan tunai hendaklah dibuat.
- f) Membuat pembayaran melalui Arahan Pembayaran sistem iGFMAS kepada kakitangan yang layak tetapi tercicir dibayar melalui sistem Payroll.

- g) Pembayaran Bayaran Khas Aidilfitri 2019 kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) perlu dilaksanakan bersama-sama gaji bulan Mei 2019 iaitu **selewat-lewatnya pada 30 Mei 2019 (Khamis) melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan.**

4. Sekiranya pembayaran perlu dibuat melalui Arahan Pembayaran sistem iGFMS, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:-

- a) Arahan Pembayaran sistem iGFMS boleh disediakan menggunakan modul Invois Tanpa PT (Jenis Transaksi K2) **TANPA PERLU** mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran emolumen melalui baucar berasingan;
- b) Penyata Perubahan (Kew.8) perlu disertakan sebagai dokumen sokongan beserta dokumen-dokumen sokongan yang lain; dan
- c) Arahan Pembayaran perlu disediakan menggunakan kod akaun seperti berikut:

Kod Wagetype	Kod Akaun	Tujuan Kod Akaun
1072	B0117102	Pegawai Perkhidmatan Awam
1072	B0117202	Pegawai Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

5. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi pegawai kami Cik Nur Hartatie Azira Binti Azizan / Puan Raudzah binti Bahrin di talian 06-289 5007/5066.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.

sk. Fail Timbul